

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah cadangan Kerajaan untuk mewujudkan mahkamah khas untuk menjalankan pendakwaan dan perbicaraan bagi menangani kes-kes tertunggak berkaitan dadah di seluruh negara akan mula beroperasi khususnya di Kuala Lumpur dan Shah Alam, Selangor yang telah dikenal pasti mencatatkan kes dadah tertinggi.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAA Ketua Hakim Negara dengan pihak Jabatan Peguam Negara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia pada 29 Februari 2016 yang lalu telah membincangkan cadangan mewujudkan Mahkamah Khas Narkotik yang akan mengendalikan kes-kes dadah secara spesifik.

2. Badan Kehakiman tiada halangan secara prinsipnya dalam perbincangan tersebut dan telah bersetuju untuk mewujudkan Mahkamah Khas Narkotik. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan akan menjalankan penelitian lanjut terhadap kesesuaian lokasi dan hal yang berkaitan dengan pewujudan Mahkamah Khas Narkotik tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

SOALAN : 85

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah penguatkuasaan Sistem Pemberian Mata Demerit (KEJARA) yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengguna agar lebih berhati-hati di jalan raya akan dilaksanakan semula serta apakah modifikasi-modifikasi yang akan dilaksanakan berbanding dengan pelaksanaannya sebelum ini.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kajian penambahbaikan Sistem Mata Demerit (KEJARA) yang diketuai oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan bersama-sama dengan beberapa agensi lain telah selesai sepenuhnya pada penghujung tahun 2015. Pada ketika ini, Kementerian ini sedang meneliti dapatan hasil kajian tersebut dan akan mempertimbangkan pelaksanaan semula penguatkuasaan sistem KEJARA dalam masa terdekat.

Antara penambahbaikan yang dicadangkan di bawah pelaksanaan baharu sistem KEJARA ini adalah melibatkan pemberian mata yang akan dikenakan sekiranya sesuatu saman diselesaikan melalui pembayaran kompaun atau hukuman yang ditentukan oleh Mahkamah. Selain itu, sebagai langkah untuk mendidik pengguna jalan raya, amaran akan diberikan pada peringkat awal kepada pemegang lesen memandu yang mengumpul 20 mata kali pertama. Penambahbaikan pelaksanaan baharu sistem KEJARA ini akan melibatkan implikasi perundangan yang sedang diperhalusi oleh pihak-pihak berkenaan.